




Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia



PANDUAN PENGGUNAAN
UBAT-UBATAN
DARI **PERSPEKTIF ISLAM**



PANDUAN PENGGUNAAN
UBAT-UBATAN
DARI **PERSPEKTIF ISLAM**


EDITOR:

NUR'AIN SHUHAILA BINTI SHOHAIMI
BIBI FARIDHA BINTI MOHD SALLEH
IZZATI BINTI MOHD FAROK

BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK FARMASI

**PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Lot 36, Jalan Universiti,
46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 603-7841 3200 Faks: 603-7968 2222
<http://www.pharmacy.gov.my/>



Edisi Pertama, Januari 2018

©Hak Cipta Terpelihara

ISBN 978-967-5570-72-8



Disemak oleh pihak JAKIM pada
29 Oktober 2017/11 Safar 1439H

Panduan ini diterbitkan oleh Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan secara bertulis daripada Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia.

PENGHARGAAN:

Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para penyumbang di atas kerjasama dan komitmen yang telah diberikan dalam penghasilan garis panduan ini.

PENASIHAT:

DR. SALMAH BINTI BAHRI

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

PANEL SEMAKAN:

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

DR. HASENAH BINTI ALI

Pengarah
Bahagian Dasar dan Perancangan Startegik Farmasi

EN. MUHAMMAD LUKMANI BIN IBRAHIM

Timbalan Pengarah
Bahagian Regulatori Farmasi Negara

JAWATANKUASA KERJA PENYEDIAAN GARIS PANDUAN PENGGUNAAN UBAT-UBATAN DARI PERSPEKTIF ISLAM

PENGERUSI

TUAN HJ. AMRAHI BIN BUANG
Presiden Malaysian Pharmaceutical Society

AHLI JAWATANKUASA KERJA

**BRIGEDIER JENERAL DATO'
DR. A. HALIM BIN HJ. BASARI**
Pengarah Farmasi
Bahagian Perkhidmatan Kesihatan
Kementerian Pertahanan Malaysia

**PUAN SHARIFFAH BINTI SYED
MUSTAFFA**
Pegawai Farmasi U54
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan
Malaysia

PUAN NURDITA BINTI HISHAM
Pegawai Farmasi U52
Hospital Tuanku Ja'afar

**CIK SITI MASYITAH BINTI MOHD
TAWIL**
Pegawai Farmasi U48
Hospital Putrajaya

**PUAN NURKHODRULNADA
BINTI MUHAMAD LATTEPI**
Pegawai Farmasi U44
Hospital Kuala Lumpur

PUAN SURAIYA BINTI ABD. RAHMAN
Pensyarah
Cyberjaya University College
of Medical Sciences

**ENCIK MOHAMED SHUKRY
BIN SULAIMAN**
Penolong Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

PUAN HASMUNA BINTI OSMAN
Penolong Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**TUAN HJ. MOHD ZULKIFLI
BIN ABD. LATIF**
Mewakili Malaysian Pharmaceutical Society
(MPS)

ENCIK RAHMAN BIN BACO
Mewakili Persatuan Farmasi Bumiputera
Malaysia (BumiFarma)

ENCIK CHIN KIM LIN
Mewakili Malaysian Community Pharmacy
Guild (MCPG)

ENCIK MUNAVER BIN AHMAD
Mewakili Malaysian Community Pharmacy
Guild (MCPG)

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan		Muka Surat
1.	Tujuan	2
2.	Takrifan	2
3.	Latar Belakang	4
4.	Penyediaan Ubat-ubatan	6
5.	Penggunaan Ubat-ubatan	7
6.	Masa Pengambilan atau Pemberian Ubat	8
7.	Penggunaan Ubat-ubatan Sewaktu Berpuasa bagi Pesakit Muslim	8
8.	Adab dan Etika Perawat Kesihatan yang Mengendalikan Urusan Ubat	10
9.	Amalan Perawat Kesihatan Muslim	10
10.	Doa Pengambilan Ubat-ubatan	11
11.	Panduan Penggunaan Ubat-ubatan yang Mengandungi Unsur Tidak Halal kepada Pesakit Muslim	13
12.	Penutup	13
13.	Rujukan	14
14.	Senarai Soalan Lazim	15
15.	Lampiran A: Panduan Penggunaan Ubat-ubatan yang Mengandungi Unsur Tidak Halal	19

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk memberi kefahaman dan penjelasan kepada golongan profesional kesihatan/perawat kesihatan dan sebagai rujukan kepada umat Islam mengenai aspek penggunaan ubat-ubatan mengikut hukum syarak, agar tidak timbul keraguan dan kekeliruan.

2.0 TAKRIFAN

Bagi maksud garis panduan ini:

- a) **“Bovine”** bermaksud berkaitan, bercirikan atau berasal daripada lembu.
- b) **“Equine”** bermaksud berkaitan, bercirikan atau berasal daripada kuda.
- c) **“Eksipien”** bermaksud bahan yang ditambah dalam suatu sediaan sebagai pencair atau pembawa untuk memberi bentuk atau konsistensi apabila suatu ramuan diberikan dalam bentuk pil atau tablet.
- d) **“Fardu kifayah”** bermaksud satu tuntutan atas sekumpulan orang Islam, bukan atas setiap individu. Jika sebahagian daripada mereka telah melaksanakan tuntutan tersebut, maka ia sudah memadai dan dosa sekumpulan yang tidak melakukannya gugur. Namun, semuanya tetap berdosa jika tidak ada seorang pun yang melaksanakannya.
- e) **“Formulari”** bermaksud senarai ubat-ubatan yang telah diluluskan oleh panel ubat yang dilantik.
- f) **“Gelatin”** bermaksud gel yang terdiri daripada protein kompleks yang diperolehi secara hidrolisis tulang dan rawan haiwan di dalam air yang mendidih, digunakan dalam pelbagai sediaan ubat dan medium kultur.
- g) **“Injeksi bolus”** bermaksud isi padu ubat-ubatan yang diberikan dengan cepat melalui intravena.
- h) **“Pesari”** bermaksud sediaan ubat yang dimasukkan ke dalam vagina.
- i) **“Porcine”** bermaksud berkaitan, bercirikan atau berasal daripada khinzir.
- j) **“Maqasid al-Syari`ah”** bermaksud tujuan atau objektif pensyariaan dalam semua atau sebahagian besar hukum syarak yang juga dilihat sebagai rahsia atau hikmah yang ditetapkan oleh Allah SWT dalam setiap hukum-Nya. Tujuan akhir ini adalah supaya hamba-hamba Allah mendapat kesejahteraan di dunia dan di akhirat.

- k) **"Mempreskrib"** bermaksud menentukan dan mengeluarkan arahan pengambilan ubat-ubatan dengan bentuk dan dos yang diperlukan oleh pesakit.
- l) **"Mendispens"** bermaksud menyediakan dan menyerahkan ubat-ubatan kepada pesakit.
- m) **"Rukhsah"** bermaksud keringanan atau kelonggaran yang diberikan hukum syarak kepada umat Islam dalam melaksanakan sesuatu hukum dengan sebab keuzuran.
- n) **"Sedatif"** bermaksud ubat penenang.
- o) **"Supositori"** bermaksud sediaan ubat yang dimasukkan ke dalam dubur.
- p) **"Vaksin"** bermaksud sediaan mikroorganisma patogenik yang diperlakukan sehingga menghapuskan kevirulennanya, kemudian dimasukkan ke dalam tubuh badan dan menyebabkan tubuh mengeluarkan antibodi dan seterusnya menghasilkan keimunan.
- q) **"v/v"** bermaksud isipadu bahan aktif berbanding isipadu keseluruhan produk.

3.0 LATAR BELAKANG

- a) Rawatan melalui penggunaan ubat-ubatan bagi sesuatu penyakit adalah salah satu kaedah yang dibenarkan dalam Islam. Ia sebagai satu usaha atau ikhtiar manusia untuk mengubati sesuatu penyakit. Penyakit merupakan istilah yang digunakan untuk menunjuk ketidakmampuan seseorang berfungsi secara biasa atau normal baik dari sudut fizikal, mental, rohani mahupun sosial. Sesuatu penyakit itu berlaku apabila Allah SWT menarik nikmat daripada seseorang, sama ada di peringkat sel, organ (jantung, paru-paru, ginjal, otak dan lain-lain) dan sistem badan (urat saraf, otot, darah dan lain-lain).
- b) Setiap penyakit ada ubatnya dan kuasa penyembuh penyakit adalah kuasa Allah SWT sahaja. Ubat tidak menyembuhkan penyakit tetapi merupakan penyebab bagi penyembuhan sesuatu penyakit. Hubungan antara penyakit dan ubat ada disebut dalam al-Quran dan hadis seperti yang berikut:

- (i) Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan apabila aku sakit, maka Dialah yang menyembuhkan penyakitku.”

Surah al-Syu`ara': 80

- (ii) Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Allah tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan diturunkan bersamanya penawar.”¹

Hadith riwayat al-Bukhari

- (iii) Rasulullah SAW pernah ditanya oleh para sahabat mengenai usaha merawat sebagaimana hadis yang bermaksud:

Para sahabat bertanya: “Wahai Rasulullah, adakah berdosa jika kami tidak merawat (penyakit kami)?” Rasulullah bersabda, “Dapatkanlah rawatan wahai hamba-hamba Allah! Sesungguhnya Allah Yang Maha Suci tidak menjadikan sesuatu penyakit melainkan dijadikan bersamanya penawar, melainkan penyakit tua”.²

Hadith riwayat Ibn Majah

1 Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad bin Ismail, 1400 H, *al-Jami` al-Sahih*, Muhibbudin al-Khatib (pytg.), *Kitab al-Tibb, Bab Ma Anzal Allah Da` Illa Anzal Lahu Shifa'a*, no. hadith: 5,678, Kaherah, Maktabah al-Salafiah, cet. 1, jil. 4, hlm. 32.

2 Ibn Majah, al-Hafiz Abu Abdullah Muhammad bin Yazid, 1992, Sunan Ibn Majah dalam *Mawsu`ah al-Sunnah al-Kutub al-Sittah wa Sharahuha*, Muhammad Fuad Abdul Baqi (pytg.), *Kitab al-Tibb, Bab Ma Anzal Allah Da` Illa Anzal Lahu Shifa'a*, no. hadith: 3,436, Istanbul, Cagri Yayinlari, cet. 2, jil. 18, hlm. 1,137.

- c) Sesuai dengan kehendak syarak, kesihatan tubuh badan adalah salah satu daripada lima aspek yang perlu dipelihara. Justeru, sebarang rawatan seperti mengambil ubat-ubatan dituntut demi menggugurkan kesakitan dan memulihkan kesihatan. Sehubungan dengan itu, Rasulullah SAW menjelaskan bahawa Allah telah menyediakan bagi setiap penyakit itu ubat dan baginda melarang seseorang itu berubat dengan benda yang diharamkan. Perkara ini merujuk kepada hadis Nabi SAW yang bermaksud:

Daripada Abu Darda' meriwayatkan, Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit dan ubat dan Dia menjadikan bagi setiap penyakit ubatnya. Dan janganlah kamu berubat dengan benda yang haram."³

Hadith riwayat Abu Daud

- d) Kandungan bahan-bahan yang digunakan mestilah suci dan tidak bersumberkan daripada bahan-bahan yang najis kecuali dalam keadaan darurat. Keharusan penggunaan perkara yang diharamkan dalam keadaan ini berdasarkan kepada kaedah fikah seperti yang berikut:

"Perkara-perkara darurat mengharuskan perkara-perkara yang dilarang."⁴

- e) Walau bagaimanapun, keadaan darurat perlu difahami dengan jelas supaya ia tidak dimanipulasi demi mengharuskan perkara yang diharamkan. Antara syarat-syarat penentuan keadaan darurat adalah seperti yang berikut:⁵
- (i) Keadaan darurat itu berlaku secara pasti atau berdasarkan sangkaan yang kuat, bukan suatu yang tidak pasti. Ia memberi kemudahan atau kemusnahan kepada lima perkara asas, iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.
 - (ii) Seseorang yang berada dalam darurat ertinya dia berhadapan dengan situasi yang bertentangan dengan perintah atau larangan syarak. Contohnya, ketiadaan ubat yang halal untuk merawat pesakit melainkan ubat yang mengandungi unsur najis.

3 Abu Daud, Sulaiman bin al-Ash`ath al-Sajistani al-Azdi, 2,000, Sunan Abi Daud, dalam *Mawsu`ah al-Hadith al-Sharif*, Saleh bin Abdul Aziz bin Muhammad (pnyt.), *Kitab al-Tibb, Bab fi al-Adwiyah al-Makruhah*, no. hadith: 3874, Riyadh, Dar al-Salam, cet. 3, hlm. 1,507.

4 Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2005, *Garis Panduan Kawalan Ubat-ubat Dalam Islam*, <http://www.islam.gov.my/rujukan/garis-panduan/52-garis-panduan-bersama-kawalan-ubat-ubat-dalam-islam>.

5 Wahbah al-Zuhayli, 1997, *Nazariyyah al-Dharurah al-Syar`iyyah; Muqaranah Ma`al-Qanun al-Wadh`iy*, Beirut, Dar al-Fikr al-Mu`asir, hlm. 65-77.

- (iii) Mestilah dipastikan bahawa kewujudan benda-benda halal yang lain tidak dapat menghindarkan kemudaratan yang menimpa pesakit.
 - (iv) Pengambilan ubat yang mengandungi unsur haram itu sekadar keperluan sahaja, iaitu untuk menghilangkan sakit atau mudarat itu semata-mata.
 - (v) Pada waktu pengubatan, pengambilan ubat yang mengandungi unsur tidak halal hendaklah di bawah arahan dan nasihat doktor.
- f) Apabila keadaan darurat telah luput, maka hukum menggunakan pekara yang diharamkan kembali kepada asal, iaitu haram. Ia berdasarkan kaedah fikah seperti yang berikut:
- “Sesuatu yang dibolehkan untuk digunakan atas sebab keuzuran gugur dengan hilangnya keuzuran itu.”⁶**
- g) Kefahaman dan penghayatan tentang halal dan haram dalam segala urusan ubat-ubatan termasuk amalan klinikal sangat penting dan perlu diberi perhatian oleh semua pihak.

4.0 PENYEDIAAN UBAT-UBATAN

Pembuatan ubat dan bahan ubat yang halal, suci dan bersih dituntut oleh syarak sesuai dengan prinsip *halalan toyyiban*. Ini diperjelaskan dalam Garis Panduan Bersama Kawalan Ubat-ubat Dalam Islam yang dikeluarkan oleh Pertemuan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS).⁷ Ia melibatkan semua bahan termasuk bahan aktif dan eksipien.

6 Abd. Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin, Perbincangan Kaedah-kaedah Fiqh, Pustaka Salam Sdn.Bhd, 2000, hlm. 163.

7 Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2005, *Garis Panduan Kawalan Ubat-ubat Dalam Islam*, <http://www.islam.gov.my/rujukan/garis-panduan/52-garis-panduan-bersama-kawalan-ubat-ubat-dalam-islam>. Dilayari pada 31 Oktober 2017.

5.0 PENGGUNAAN UBAT-UBATAN

- a) Berdasarkan beberapa keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia seperti perbincangan berkaitan 'Gelatin dalam Ubat' yang diputuskan dalam Muzakarah kali ke-8 pada 24 hingga 25 September 1984 dan 'Alkohol dalam Makanan, Minuman, Pewangi dan Ubat-ubatan' yang dibincangkan dalam Muzakarah Khas pada 14 hingga 16 Julai 2011, bahan-bahan ubatan yang digunakan mestilah sesuai dengan kehendak Islam dan baik serta selamat untuk pesakit.⁸ Contohnya, ia suci dan bukan daripada sumber yang najis atau bernajis kecuali dalam keadaan terpaksa (darurat).
- b) Memenuhi hasrat pesakit muslim untuk mendapatkan bahan-bahan yang halal adalah selaras dengan keperluan badan akreditasi fasiliti kesihatan seperti *Malaysian Society for Quality in Health (MSQH)* dan *Joint Commission International (JCI)* – di bawah seksyen *Patient & Family Rights*. Ia merupakan satu tuntutan fardu kifayah di pihak fasiliti kesihatan berkenan.
- c) Hanya penggunaan gelatin yang halal sahaja diharuskan dalam penyediaan ubat-ubatan, melainkan dalam keadaan darurat, namun ia hendaklah pada kadar yang diperlukan sahaja.
- d) Penggunaan etanol (alkohol) dalam ubat dalaman (oral) dan luaran:
 - (i) Etanol yang diperolehi bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis, tetapi haram (tidak boleh) diminum dalam bentuk aslinya kerana ia racun dan boleh memudaratkan.
 - (ii) Ubat cecair yang mempunyai etanol dalam dos yang dipreskrib harus (boleh) diminum.
 - (iii) Sediaan ubat-ubatan luaran/kosmetik/pewangi seperti krim, salap dan cecair yang mengandungi etanol sebagai bahan pelarut tidak najis dan diharuskan penggunaannya sekiranya etanol tersebut bukan diambil melalui proses pembuatan arak.
- e) Penggunaan ubat psiko-aktif seperti penenang, sedatif, hipnotik dan anaestetik dan lain-lain diharuskan mengikut dos yang dipreskrib oleh pengamal perubatan.

⁸ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2014, Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Putrajaya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, cet. 4, hlm. 94 dan 150.

6.0 MASA PENGAMBILAN ATAU PEMBERIAN UBAT

- a) Bagi pesakit Muslim, pengambilan atau pemberian ubat boleh dikaitkan dengan waktu solat di Malaysia, contohnya:
 - (i) Bagi dos tunggal, ia boleh melibatkan mana-mana waktu solat.
 - (ii) Bagi dua dos, ia boleh melibatkan dua waktu yang jaraknya dalam lingkungan 12 jam seperti waktu Subuh dan Maghrib.
 - (iii) Bagi tiga dos, ia boleh melibatkan waktu Subuh, Zuhur dan Isyak.
 - (iv) Bagi empat dos, ia boleh melibatkan waktu Subuh, Zuhur, Maghrib dan Isyak.

7.0 PENGGUNAAN UBAT-UBATAN SEWAKTU BERPUASA BAGI PESAKIT MUSLIM

- a) Pengambilan ubat sewaktu berpuasa perlu merujuk kepada faktor-faktor yang membatalkan puasa, seperti makan atau minum, memasukkan sesuatu ke dalam rongga dan tidak sedarkan diri di sepanjang hari. Ia juga perlu bersesuaian dengan arahan doktor kerana menjaga nyawa pesakit perlu diutamakan. Pengambilan ubat yang dimaksudkan di sini hanya bertujuan untuk indikasi rawatan sahaja.
- b) Seseorang Muslim diberikan rukhsah (kelonggaran) untuk berbuka puasa apabila dia ditimpa kesakitan. Namun begitu, sekiranya dia berhasrat untuk meneruskan puasanya, dia perlu mengetahui jenis-jenis ubat yang membatalkan puasa dan yang tidak membatalkan puasa.
- c) Ubat/rawatan/prosedur yang boleh **membatalkan** puasa ialah:
 - (i) Ubat biji.
 - (ii) Ubat minum.
 - (iii) Ubat supositori.
 - (iv) Ubat pesari.
 - (v) Ubat inhaler/rawatan inhaler.⁹
 - (vi) Ubat bius umum.

⁹ Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013, *Panduan Berpuasa bagi Pesakit*, http://m.e-muamalat.gov.my/sites/default/files/e-penerbitan/buku_panduan_puasa_bagi_pesakit.pdf.

- d) Manakala ubat/rawatan/prosedur yang tidak membatalkan puasa ialah:
- (i) Ubat titis mata dan telinga dengan syarat tidak sampai ke gegandang telinga.
 - (ii) Ubat titis hidung tanpa disedut.
 - (iii) Ubat krim.
 - (iv) Ubat salap.
 - (v) Ubat losyen.
 - (vi) Ubat sapu.
 - (vii) Ubat injeksi bolus.
 - (viii) Ubat separa bius.
 - (ix) Ubat yang diletak di bawah lidah atau dalam kawasan mulut tetapi tidak menelannya. Contohnya: GTN dan ubat kumur.
- e) Nasihat kepada pesakit sewaktu pengambilan ubat:
- (i) Bagi dos tunggal, pesakit boleh mengambil ubat pada sesuatu waktu yang sama di antara waktu berbuka dan waktu sahur.
 - (ii) Bagi dos dua kali sehari, pesakit boleh mengambil pada waktu sahur dan waktu berbuka.
 - (iii) Bagi dos tiga kali sehari, pesakit boleh mengambil ubat pada waktu sahur, waktu berbuka dan waktu tengah malam yang disesuaikan sepanjang waktu berpuasa.
 - (iv) Pesakit diharuskan berbuka puasa sekiranya dengan berpuasa akan menambahkan kesakitannya atau melambatkan proses penyembuhan penyakitnya.

8.0 ADAB DAN ETIKA PERAWAT KESIHATAN YANG MENGENDALIKAN URUSAN UBAT

- a) Perawat kesihatan perlulah mengamalkan adab dan etika yang baik ketika mengendalikan urusan ubat seperti yang berikut:
- (i) Hormat, ihsan dan kasih terhadap pesakit.
 - (ii) Tindakan berdasarkan niat yang baik.
 - (iii) Ikhlas, bersabar, tanggungjawab dan amanah.
 - (iv) Etika profesionalisme.
 - (v) Menjaga kerahsiaan.
 - (vi) Menguruskan penjagaan farmaseutikal dari sudut Islam melalui:
 - Menenal pasti pesakit yang betul.
 - Menentukan preskripsi yang betul.
 - Memberikan ubat yang betul.
 - Menentukan bentuk yang betul.
 - Menyediakan dos yang betul.
 - Menetapkan tatacara yang betul.
 - Menyampaikan maklumat yang betul.

9.0 AMALAN PERAWAT KESIHATAN MUSLIM

- a) Antara amalan perawat kesihatan yang baik adalah seperti yang berikut:
- (i) Perawat hendaklah berilmu, profesional dan berakhlak mulia.
 - (ii) Melaksanakan proses mempreskrib, mendispen ubat dan kaunseling ubat serta pemberian ubat.
 - (iii) Menyebut ungkapan-ungkapan Islamik seperti:
 - Memberi salam.
 - Membaca *basmalah*.
 - Menyebut *hamdalah*.
 - Menyebut insya-Allah.

- (iv) Berperilaku sopan santun, cermat dan teliti:
- Ramah, berwajah ceria, murah senyum.
 - Menyatakan perkaitkan waktu pengambilan ubat dengan waktu solat.
 - Membuat timbangan dan sukatan yang tepat.
 - Menerangkan arahan pengambilan ubat semasa berpuasa.
 - Mengingatnkan pesakit untuk mengucap syahadah sebelum dibius.

10.0 DOA PENGAMBILAN UBAT-UBATAN

- a) Penyakit merupakan suatu penebus dosa terhadap kesalahan-kesalahan yang pernah dilakukan seperti yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW:

“Tidaklah seseorang beriman itu ditimpa keletihan, kerisauan, penyakit dan kedukacitaan walaupun kesakitan berupa duri (yang mencucuknya) melainkan ini merupakan penebus kepada dosanya.”¹⁰

Hadith riwayat Muslim

- b) Oleh itu, pesakit digalakkan untuk berdoa dan memperbanyakkan zikir. Antara doa dan zikir yang boleh diamalkan ialah seperti yang berikut:

- (i) Doa sebelum mengambil ubat;

اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ أَذْهَبِ الْبَاسَ اشْفِهِ وَأَنْتَ الشَّافِي لَا شِفَاءَ إِلَّا شِفَاؤُكَ شِفَاءً لَا يُعَادِرُ سَقَمًا

“Ya Allah, hilangkan derita, sembuhkanlah, Engkaulah yang Maha Penyembuh. Tiada penyembuhan kecuali penyembuhan-Mu, penyembuhan yang tidak meninggalkan penyakit.”

10 Muslim bin al-Hajaj bin Muslim al-Quysyairi al-Naisaburi, 2000, Sahih Muslim dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, Saleh bin Abdul Aziz bin Muhammad bin Ibrahim (pnyt.), *Kitab al-Birr wa al-Silah wa al-Adab, Bab Thawab al-Mu'min fima Yusibuhu min Maradh aw Huzn aw Nahwa Zalik Hatta al-Shaukah Yushakuha*, no. hadith: 6568, Riyadh, Dar al-Salam, cet. 3, hlm. 1129.

- (ii) Doa selepas mengambil ubat:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي كَفَانَا وَأَرْوَانَا غَيْرَ مَكْفِيٍّ وَلَا مَكْفُورٍ

“Segala puji bagi Allah yang telah memberi kepada kita kecukupan dan kepuasan yang tidak terabai dan tidak tertolak.”

- (iii) Selawat syifa’:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ طِبِّ الْقُلُوبِ وَدَوَائِهَا وَعَافِيَةِ الْأَبْدَانِ
وَشِفَائِهَا وَنُورِ الْأَبْصَارِ وَضِيَائِهَا وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَبَارِكْ وَسَلِّمْ

“Ya Allah ya Tuhan kami, limpahkanlah rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad SAW yang dengannya dapat mengubati hati (yang kusut) dan menjadi penawar, menyihatkan badan (dari segala penyakit) yang menyembuhkannya, menjadi cahaya bagi pemandangan (mata) dan menyinarkannya dan limpahkanlah rahmat dan kesejahteraan kepada keluarga dan sahabat-sahabat baginda sekalian.”

- (iv) Pesakit digalakkan membaca doa di bawah sambil meletakkan tangan di tempat yang sakit:

أَعُوذُ بِعِزَّةِ اللَّهِ وَبِقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا أَجِدُ وَأُحَاذِرُ

“Aku berlindung dengan kemuliaan Allah dan kekuasaan-Nya daripada sebarang kejahatan yang aku deritai dan aku khawatiri.”

11.0 PANDUAN PENGGUNAAN UBAT-UBATAN YANG MENGANDUNGI UNSUR TIDAK HALAL KEPADA PESAKIT MUSLIM

Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyediakan satu panduan bagi perawat untuk merawat pesakit yang memerlukan rawatan dengan ubatan yang mengandungi sumber tidak halal kepada pesakit Muslim di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia. Dokumen ini boleh dirujuk di Lampiran A garis panduan ini.

Dokumen ini telah disemak oleh pihak-pihak berkepentingan di dalam Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan bagi memastikan penjagaan kesihatan terbaik dan optimum dapat diberikan kepada para pesakit dengan mematuhi syariat Islam.

Panduan pemilihan ubat, tanggungjawab jabatan, peranan perawat dan organisasi dinyatakan dengan terperinci di dalam dokumen ini. Tatacara penggunaan rawatan sewaktu kecemasan dan bukan kecemasan juga digariskan dengan jelas.

Selain itu, keizinan pesakit juga perlu didokumenkan di dalam borang yang disediakan bagi memastikan pesakit faham dan jelas tentang rawatan yang diterima.

12.0 PENUTUP

Garis panduan ini diharap dapat membantu dalam memberikan panduan kepada golongan profesional kesihatan/perawat kesihatan dan umat Islam khususnya dalam memahami aspek penggunaan ubat-ubatan mengikut prinsip Islam.

Disemak oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
29 Oktober 2017/11 Safar 1439H

RUJUKAN

- 1) Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad bin Ismail, 1400 H, *al-Jami` al-Sahih*, Muhibbudin al-Khatib (pnyt.), cet. 1, jil. 4, Kaherah: Maktabah al-Salafiah.
- 2) Al-Zuhayli, Wahbah, 1997, *Nazoriyyah al-Dharurah al-Syar`iyyah: Muqaranah Ma` al-Qanun al-Wadh`iy*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu`asir.
- 3) Abu Daud, Sulaiman bin al-Ash`ath al-Sajistani al-Azdi, 2000, 'Sunan Abi Daud' dalam *Mawsu`ah al-Hadith al-Sharif*, Saleh bin Abdul Aziz bin Muhammad (pnyt.), cet. 3, Riyadh: Dar al-Salam.
- 4) Ibn Majah, al-Hafiz Abu Abdullah Muhammad bin Yazid, 1992, 'Sunan Ibn Majah' dalam *Mawsu`ah al-Sunnah al-Kutub al-Sittah wa Sharahuha*, Muhammad Fuad Abdul Baqi (pytg.), cet. 2, jil. 18, Istanbul: Cagri Yayinlari.
- 5) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2014, *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*, cet. 4, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- 6) Muslim bin al-Hajjaj, 2000, 'Sahih Muslim' dalam *Mawsu`ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, Saleh bin Abdul Aziz bin Muhammad bin Ibrahim (pnyt.), cet. 3, Riyadh: Dar al-Salam.
- 7) Abd. Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin, Perbahasan Kaedah-kaedah Fiqh, Pustaka Salam Sdn. Bhd, 2000, hlm. 163.
- 8) Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2005, *Garis Panduan Kawalan Ubat-ubat Dalam Islam*, <http://www.islam.gov.my/rujukan/garis-panduan/52-garis-panduan-bersama-kawalan-ubat-ubat-dalam-islam>.
- 9) Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013, *Panduan Berpuasa bagi Pesakit*, http://m.e-muamalat.gov.my/sites/default/files/e-penerbitan/buku_panduan_puasa_bagi_pesakit.pdf.



SENARAI
SOALAN LAZIM

SENARAI SOALAN LAZIM



1. **Mengapakah saya perlu berbincang dengan pesakit mengenai ubat-ubatan yang diperbuat daripada sumber *porcine*?**

Menurut Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), pengguna mempunyai hak untuk mendapatkan maklumat dan membuat pilihan. Pengguna mesti diberi maklumat yang mencukupi dan tepat untuk memudahkannya membuat keputusan yang bijak.

Bagi melaksanakan hak tersebut, pesakit perlu dilibatkan dalam mengambil keputusan terhadap rawatan yang diberikan kepada mereka supaya pesakit lebih jelas dan memahami:

- Sebab mengapa ubat tertentu dipilih untuk dipreskripsi
- Bagaimana ubat tersebut harus diambil
- Tindakan terapeutik ubat yang dijangka
- Kesan sampingan yang mungkin berlaku

Kefahaman terhadap perkara-perkara tersebut adalah penting bagi mendapatkan persetujuan rawatan daripada pesakit. Ianya juga dapat membantu memastikan pesakit mengambil ubat seperti yang ditetapkan dan mendapat manfaat rawatan yang sepenuhnya.

2. **Bagaimanakah caranya untuk saya mengetahui ubat-ubatan yang manakah diperbuat daripada sumber *porcine*?**

Maklumat ini boleh didapati dengan menyemak label dan spesifikasi produk. Jika maklumat tidak diperolehi, rujukan boleh dilakukan kepada pegawai farmasi yang bertugas.

3. Bilakah masa yang paling sesuai untuk berbincang dengan pesakit mengenai ubat-ubatan yang diperbuat daripada sumber *porcine*?

Sebenarnya, tiada masa yang ideal. Lanya adalah penting untuk dibincangkan sebelum sebarang preskripsi ditulis dan sebelum ubat diadministrasi kepada pesakit supaya pesakit diberi pilihan dengan ubat alternatif. Keadaan ini memberikan ruang kepada pesakit untuk membuat pilihan dan secara tidak langsung menghormati kepercayaan individu.

Sebagai seorang preskriber, masa yang paling sesuai untuk membincangkan perkara ini ialah sewaktu pemeriksaan awal pesakit. Pertanyaan berkaitan ubat-ubatan seperti senarai ubat yang diambil, alahan ubat pesakit dan keutamaan pesakit dalam pemilihan ubat-ubatan tertentu boleh diajukan kepada pesakit. Maklumbalas yang diberikan oleh pesakit berkaitan soalan-soalan tersebut perlu dicatatkan ke dalam buku rekod pesakit.

4. Apakah yang boleh saya lakukan sekiranya pesakit tidak mahu menerima rawatan daripada ubat-ubatan yang diperbuat daripada sumber *porcine*?

Pertama sekali, pastikan preskriber merekodkan maklumbalas pesakit ke dalam buku rekod pesakit. Ini bagi memastikan ahli perubatan yang lain dapat mengakses maklumat ini dan peka kepada kemahuan pesakit yang tidak mahu menerima rawatan sedemikian. Amalan lain yang boleh dipraktikkan termasuk menggunakan penanda berwarna pada buku rekod pesakit. Amalan ini dapat memberikan peringatan kepada petugas-petugas perubatan yang lain dan meyakinkan pesakit bahawa kemahuan mereka telah diambil maklum.

5. Bagaimanakah jika tiada alternatif ubat yang sesuai?


Dalam keadaan ini, adalah penting bagi preskriber untuk menerangkan keadaan secara menyeluruh dan menggalakkan pesakit untuk bertanya soalan. Pendekatan sedemikian dapat menggalakkan penglibatan pesakit secara aktif dalam perbincangan rawatan mereka dan memberi kuasa kepada pesakit untuk membuat pilihan rawatan yang terbaik bagi mereka. Adalah tanggungjawab preskriber untuk menerangkan pilihan-pilihan rawatan yang boleh diberikan kepada pesakit dan akibat daripada keputusan yang diambil.

Selain itu, preskriber juga perlu akur dan mengakui bahawa pesakit bebas untuk membuat keputusan untuk tidak meneruskan rawatan walaupun preskriber tidak bersetuju dengan keputusan tersebut. Segala ringkasan perbincangan dan keputusan yang diambil perlu dicatatkan ke dalam buku rekod pesakit.


6. Bagaimanakah dengan situasi kecemasan?

Walaupun di dalam situasi kecemasan, pesakit mempunyai hak untuk diberitahu mengenai pilihan rawatan dan mendapatkan kebenaran daripada pesakit berkaitan rawatan yang akan diberikan tetapi ianya tertakluk kepada kebolehan pesakit membuat keputusan.

Keputusan yang diambil mungkin bermaksud pesakit tidak mahu mengambil ubat-ubatan yang diperbuat daripada sumber *porcine*. Maklumat yang telah diberikan kepada pesakit termasuk kesan pemilihan rawatan oleh pesakit serta keputusan rawatan perlu direkodkan ke dalam buku rekod pesakit supaya semua anggota yang terlibat dalam perawatan pesakit dimaklumkan mengenai perkara ini.



LAMPIRAN A
PANDUAN PENGGUNAAN
UBAT-UBATAN YANG
MENGANDUNGI
UNSUR TIDAK HALAL





PROGRAM FARMASI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PANDUAN PENGGUNAAN UBAT- UBATAN YANG MENGANDUNGI UNSUR TIDAK HALAL

KEPADA PESAKIT MUSLIM DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



Penasihat:

Dr. Salmah binti Bahri
Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Disemak oleh:

Dr. Kamaruzaman bin Saleh
Pengarah
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pn. Noraini binti Mohamad
Timbalan Pengarah
Cawangan Penjagaan Farmaseutikal
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi

Disediakan oleh:

Pn. Nor Aziah binti Abdullah
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Cawangan Penjagaan Farmaseutikal

Fahmi bin Hassan
Ketua Penolong Pengarah
Cawangan Penjagaan Farmaseutikal

Penghargaan:

Program Farmasi KKM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada:

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri
Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM

di atas kesudian menilai dan menambahbaik dokumen ini.

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan		Muka Surat
1.	Pendahuluan	A
2.	Tujuan	B
3.	Skop	B
4.	Penggunaan Sumber Haiwan dan/atau Alkohol dalam Penghasilan Ubat	B
5.	Keperluan Regulatori dan Pengurusan Ubat-ubatan	C
6.	Tatacara Memulakan Rawatan dengan Penggunaan Ubat-ubatan dari Sumber yang Tidak Halal atau Bertentangan dengan Syariat Islam	C
7.	Tanggungjawab Jabatan Farmasi di Fasiliti	D
8.	Maklumat yang Perlu Disampaikan kepada Pesakit Sebelum Memulakan Rawatan	D
9.	Penutup	D
10.	Rujukan	E
11.	Lampiran 1: Carta Alir Penggunaan Ubat Mengandungi Sumber Tidak Halal	
	1. Rawatan Umum	F
	2. Rawatan Kecemasan	G
14.	Lampiran 2: Borang Keizinan untuk Merawat Menggunakan Ubat/Produk yang Mengandungi Unsur Tidak Halal	H

PANDUAN PENGGUNAAN UBAT-UBATAN YANG MENGANDUNGI UNSUR TIDAK HALAL KEPADA PESAKIT MUSLIM DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. Pendahuluan

Islam menggalakkan umatnya berikhtiar dan berusaha untuk mengubati sesuatu penyakit. Walaubagaimanapun, dalam dunia perubatan, terdapat ubat-ubatan moden yang digunakan kini, dibangunkan dari sumber yang tidak halal. Perkara ini telah menimbulkan keraguan di kalangan pesakit-pesakit Muslim dan perawat sendiri terutamanya berkaitan isu keharusan penggunaannya.

Penggunaan ubat-ubatan merupakan salah satu kaedah perawatan dalam mengurangkan dan/atau memulihkan kesihatan pesakit. Meskipun terdapat ubat-ubatan yang bersumberkan unsur-unsur yang bertentangan dengan syariat Islam telah digunakan dalam bidang perubatan. Secara dasarnya, agama Islam melarang penggunaan ubat-ubatan tersebut untuk merawat pesakit Muslim.

Namun begitu, penggunaan ubat tersebut diharuskan ketika keadaan “darurat” bagi tujuan menyelamatkan nyawa pesakit. Keadaan keharusan untuk menggunakan ubat-ubatan dari sumber yang bertentangan dengan syariat Islam itu wujud apabila:-

- Tiada ubat-ubatan lain dari sumber halal yang boleh digunakan ke atas pesakit yang bersesuaian dengan keadaan klinikal pesakit pada waktu/tempoh rawatan tersebut. Sebagai contoh, seorang pesakit jantung yang mengalami kegagalan buah pinggang dan memerlukan rawatan untuk mencairkan darah pesakit. Tiada ubatan lain yang selamat digunakan untuk mencairkan darah pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang selain ubat A sedangkan ubat A adalah dari sumber yang bertentangan dengan syariat Islam.
- Ada ubat-ubatan dari sumber halal namun tiada kajian saintifik khusus (evidence based study) yang menunjukkan ianya selamat digunakan dan berkesan ke atas pesakit atau ianya dikhuatiri akan memudaratkan pesakit sekiranya digunakan. Contoh Ubat B adalah halal namun tiada kajian saintifik yang menunjukkan ubat B selamat digunakan untuk ibu mengandung.
- Keadaan pesakit adalah kritikal dan penggunaan ubat-ubatan tersebut perlu sebagai ikhtiar menyelamatkan pesakit.

Secara asasnya, garis panduan ini adalah berlandaskan prinsip-prinsip yang digariskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan pada 25 Jun 2009. Kefahaman pesakit tentang perkara ini juga sangat penting bagi mengelakkan sebarang keraguan serta menjamin kepatuhan pesakit dalam meneruskan rawatan.

Perawat kesihatan termasuk Pegawai Perubatan dan Pegawai Farmasi boleh merujuk fatwa berkenaan produk yang ingin digunakan dari laman web e-fatwa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (www.e-fatwa.gov.my) terlebih dahulu untuk kefahaman lanjut.

2. Tujuan

Garis panduan ini disediakan bagi memberi panduan kepada anggota kesihatan yang terlibat dalam rawatan pesakit yang menggunakan ubat-ubatan mengandungi sumber-sumber yang tidak halal atau bertentangan dengan syariat Islam.

3. Skop

Panduan ini terpakai di semua fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia. Ianya dibangunkan dengan mengambilkira aspek realiti dan praktikaliti dalam perawatan pesakit.

4. Penggunaan Sumber Haiwan dan/atau Alkohol dalam Penghasilan Ubat

4.1 Sumber haiwan yang sering digunakan di dalam penghasilan ubat-ubatan adalah sumber porcine (khinzir), bovine (lembu) atau equine (kuda). Penggunaan sumber haiwan ini adalah sebagai:-

- a) Penghasilan bahan aktif ubat (melalui proses bioteknologi tertentu seperti rekombinan DNA).
- b) Bahan eksipien, bahan dalam pembuatan kapsul (gelatin) dan bahan-bahan sampingan yang lain.
- c) Sebagai kultur media bagi menghasilkan bahan aktif.

4.2 Penggunaan alkohol dalam penghasilan ubat cecair

Alkohol di dalam penghasilan ubat cecair biasanya digunakan sebagai bahan pelarut, bahan pengawet, stabilizing agent dan disinfektan. Ubat-ubatan cecair yang mengandungi alkohol untuk tujuan di atas adalah diharuskan sekiranya alkohol tersebut tidak diperolehi dari proses pembuatan arak.

5. Keperluan Regulatori dan Pengurusan Ubat-ubatan

Menurut syarat pelabelan yang ditetapkan melalui Drug Registration Guidance Document (DRGD) yang dikeluarkan oleh Bahagian Regulatori Farmaseutikal Negara, produk yang ingin didaftarkan perlu menyatakan sumber bahan-bahan yang berasaskan haiwan sekiranya ada terkandung dalam produk siap/akhir (finished/final product). Ini termasuk bahan aktif atau sampingan seperti bahan asas ataupun gelatin.

Selain itu, bagi tujuan pemilihan produk untuk perolehan melalui kontrak ubat-ubatan KKM, syarikat pembekal disyaratkan untuk menyatakan samada produk mereka mengandungi unsur haiwan atau tidak. Namun begitu, produk mereka mungkin juga dipilih sekiranya tiada pilihan produk lain yang sesuai.

6. Tatacara Memulakan Rawatan dengan Penggunaan Ubat-ubatan dari Sumber yang Tidak Halal atau Bertentangan dengan Syariat Islam

Sebagai panduan kepada perawat, perkara-perkara berikut perlu dipatuhi sebelum ubat tersebut digunakan untuk merawat pesakit:-

- a) Perawat adalah seorang yang mempunyai pengetahuan dan maklum tentang keadaan pesakit.
- b) Rawatan haruslah bersifat kritikal dan diperlukan bagi menyelamatkan pesakit.
- c) Tiada alternatif lain yang boleh digunakan dan ubat tersebut telah dibuktikan secara klinikal berkesan dan selamat untuk digunakan.
- d) Penggunaan ubat tersebut hanya untuk jangkamasa tertentu yang ditetapkan oleh Pakar/Pegawai Perubatan.
- e) Penerangan perlu diberikan oleh anggota kesihatan kepada pesakit sebelum ubat digunakan.
- f) Mendapatkan keizinan pesakit/penjaga terlebih dahulu dengan mengisi borang keizinan pesakit seperti yang dilampirkan.

- g) Dalam keadaan kecemasan yang boleh mengancam nyawa (dikira “darurat”), penggunaan ubat tersebut dibenarkan tanpa mendapat persetujuan lebih awal oleh pesakit.

7. Tanggungjawab Jabatan Farmasi di Fasiliti

Jabatan Farmasi di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia perlu menyenaraikan semua ubat-ubatan yang mengandungi unsur haiwan yang terdapat di fasiliti masing-masing sebagai rujukan kepada semua anggota yang terlibat dalam pengurusan rawatan pesakit dan dikemaskini dari masa ke semasa.

Selain itu, senarai ini juga merupakan keperluan bagi “Service Standard 18 – Pharmacy Services” MSQH Malaysian Hospitals Accreditation Standards (Standard 18.1.1.8) bagi tujuan akreditasi.

8. Maklumat yang Perlu Disampaikan kepada Pesakit Sebelum Memulakan Rawatan

Sebelum memulakan rawatan menggunakan ubat-ubatan dari sumber yang tidak halal atau bertentangan dengan syariat Islam, perawat perlulah memaklumkan kepada pesakit atau penjaga pesakit perkara-perkara berikut:-

- a) Nama ubat yang akan digunakan.
- b) Indikasi ubat tersebut.
- c) Sebab ubat tersebut perlu digunakan berbanding ubat-ubat yang lain.

Seorang perawat bukan muslim boleh merujuk kepada perawat muslim untuk mengelakkan kekeliruan sewaktu menyampaikan maklumat berkaitan keharusan penggunaan ubat tersebut kepada pesakit yang memerlukan rawatan.

9. Penutup

Diharapkan panduan ini dapat membantu perawat kesihatan dalam menyampaikan maklumat kepada pesakit tentang keperluan penggunaan ubat-ubatan yang mengandungi sumber tidak halal atau bertentangan dengan syariat Islam yang manfaatnya melebihi kesan mudarat mengikut keadaan klinikal pesakit.


10. Rujukan

1. Garis panduan penggunaan ubat-ubatan sumber haram kepada pesakit Muslim di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).
2. Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan (25 Jun 2009).
3. Mohd Zarif et. al (2013). The use of forbidden materials in medicinal products: An Islamic perspective. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 13:05-10.
4. The Evolution and Future of ACC/AHA Clinical Practice Guidelines: A 30-Year Journey. A Report of the American College of Cardiology/American Heart Association Task Force on Practice Guidelines.
5. Malaysian Medical Council Guideline: Consent for Treatment of Patients by Registered Medical Practitioners.
6. Borang Keizinan Pembedahan/Prosedur KKM (PER/CONSENT/2016).


Lampiran 1

Carta Alir Penggunaan Ubat Mengandungi Sumber Tidak Halal

1. Rawatan Umum



2. Rawatan Kecemasan



Lampiran 2

Borang Keizinan untuk Merawat Menggunakan Ubat/ Produk yang Mengandungi Unsur Tidak Halal

Saya seperti nama dibawah telah dimaklumkan bahawa ***saya/anak/isteri/ibu/bapa perlu** menerima rawatan dengan ubat _____ bagi merawat penyakit _____. Ubat ini mengandungi unsur tidak halal dalam proses penghasilannya.

Penerangan yang jelas telah diberikan kepada saya bahawa rawatan ini perlu diberikan kerana tiada alternatif atau alternatif yang ada tidak setara dari segi keberkesanan dan keselamatan.

Oleh itu, saya faham akan penerangan tersebut dan ***bersetuju/tidak bersetuju** untuk menerima ubat yang disarankan.

**Potong yang tidak berkenaan*

.....
()
Nama & tandatangan
No. Kad Pengenalan:
Tarikh:



.....
()
Nama & tandatangan saksi
No. Kad Pengenalan:
Tarikh:


.....
()
Nama & tandatangan perawat
No. Kad Pengenalan:
Tarikh:


.....
()
Nama & tandatangan saksi
No. Kad Pengenalan:
Tarikh:



PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
Lot 36, Jalan Universiti, 46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

 03-7841 3200  03-7968 2222

 www.pharmacy.gov.my

 BPFIPKKM

ISBN 978-967-5570-72-8



9 789675 570728